

Resensi Perbahasan Imperialisme British antara Tiga Zaman: Merkantilisme, Perdagangan Bebas dan Neomerkantilisme

A Review of the British Imperialism Discourse between Three Ages: Mercantilism, Free Trade and Neomercantilism

Mohd Shazwan Mokhtar *

Centre for Research in History, Politics & International Affairs, Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor, Malaysia

*Corresponding Author : msm@ukm.edu.my

Abstrak

Artikel ini meneliti perbahasan sarjana berkaitan perkembangan imperialisme British sejak zaman awal Empayar Pertama hinggalah pada abad ke-20. Tumpuan diberikan terhadap pengaruh merkantilisme, perdagangan bebas dan neomerkantilisme terhadap penjajahan British merentas benua. Artikel ini berhujah faktor ekonomi mempengaruhi kedinamikan penjajahan British terhadap tanah jajahannya. Karya sarjana tersohor dalam bidang sejarah imperialisme telah diteliti bagi menghasilkan artikel resensi ini. Berdasarkan penelitian tersebut wujud perubahan trend dan paradigma sarjana dalam mentafsir perkembangan imperialisme British. Perubahan tersebut boleh diteliti ketika perkembangan zaman Empayar Pertama, Empayar Kedua dan Empayar Kolonial. Setiap tahap perkembangan tersebut mempunyai kelemahan yang mempengaruhi perkembangan tahap seterusnya. Hasil resensi mendapati perbahasan sarjana berkaitan perkembangan imperialisme British adalah tidak koheren. Antara faktor yang mempengaruhi perkara tersebut ialah disebabkan aliran pemikiran dalam kalangan sarjana dan juga ketersediaan sumber primer yang menjadi beban bukti dalam wacana.

Kata kunci: Kolonialisme; Empayar; Kapitalis budiman; Atlantik; Tropika.

Abstract

This article examines the scholarly discourse related to the development of British imperialism from the early days of the First Empire to the 20th century. Focus is given to the influence of mercantilism, free trade and neomercantilism on British colonization across continents. This article argues that economic factors influence the dynamism of British colonialism towards its colonies. The works of prominent scholars in the field of the history of imperialism have been

studied to produce this review article. The review found that there is a change in the trend and paradigm of scholars in interpreting the development of British imperialism. These changes can be studied during the development of the First, Second, and the Colonial Empires. Each level of development has a deficiency that encourages the development of the next level. The review result found that the scholarly debate related to the development of British imperialism is incoherent. Among the factors that affect the matter is due to the current of thought among scholars and also the availability of primary sources that become evidence in the discourse.

Keywords: Colonialism; Empire; Gentlemanly capitalist; Atlantic; Tropics

PENGENALAN

Sejarah perkembangan imperialisme British merupakan kronologi peristiwa panjang yang dikesan sejak pertengahan abad ke-16 lagi. Perkembangan ini melibatkan tiga tahap utama iaitu tahap Empayar Pertama atau ‘*Old Empire*’ antara tahun 1569 hingga 1783. Manakala, tahap kedua ialah Empayar kedua yang bermula sejak tahun 1783 hinggalah 1870. Bagi tahap ketiga pula yang dikenali sebagai Dekad Baharu atau Dekad Imperial oleh sebahagian sarjana, yang bermula sekitar akhir abad ke-19 hinggalah 1919 iaitu selepas tamatnya Perang Dunia Pertama. Walaupun begitu, penelitian terhadap perkembangan imperialisme British pada abad ke-20 masih perlu dilanjutkan, kerana perkembangan yang berlaku sejak 1920-an hinggalah 1941 merupakan fasa pengukuhan kedudukan Britain sebagai kuasa imperial. Ini kerana dalam tempoh ini Britain terus bergantung dengan sumber ekonomi di tanah jajahan beriklim tropika yang turut melibatkan Tanah Melayu. Malah, tempoh masa ini juga dianggap sebagai zaman keemasan imperialisme British yang dipengaruhi dengan idea ekonomi neomerkantilisme.¹ Setiap tahap perkembangan tersebut mempunyai peristiwa bermakna terhadap sejarah tanah jajahan, khususnya peristiwa berkaitan fenomena ekonomi. Justeru, bab ini menggalurkan peristiwa panjang berkaitan fenomena ekonomi yang mempengaruhi perkembangan imperialisme British antara abad ke-16 hinggalah abad ke-20.

Perbincangan terhadap peristiwa ekonomi dapat membina kefahaman lanjut berkaitan imperialisme British berdasarkan perspektif sejarah global. Ini termasuklah pemahaman terhadap proses perubahan serta pembentukan dasar imperial pada abad ke-20. Perkembangan imperialisme sejak tahun 1901 merupakan tahap baharu dalam penguasaan British terhadap tanah jajahan di Asia dan Afrika yang merupakan wilayah beriklim tropika.² Perkembangan ini turut melibatkan perubahan orientasi penjajahan daripada proses kolonialisasi untuk menguasai wilayah baharu kepada proses imperialisme iaitu tindakan penjajahan dengan melaksanakan kawalan imperial terhadap sesebuah wilayah baharu yang dikenali sebagai negeri naungan yang menjadi sebahagian daripada Empayar British yang dinaungi Raja England.³ Imperialisme British terhadap negeri-negeri naungan di wilayah tropika mewujudkan satu entiti politik dan ekonomi dalam Empayar British yang dikenali sebagai Tanah Jajahan Tropika atau Empayar Kolonial. Sehingga tahun 1956, Empayar Kolonial British melibatkan wilayah Caribbean dan Afrika hinggalah ke Asia serta merentas Lautan Pasifik yang turut melibatkan Tanah Melayu.⁴

PERBAHASAN SARJANA BERKAITAN IMPERIALISME

Kamus Dewan mendefinisikan imperialisme sebagai satu bentuk dasar atau tindakan sesebuah negara menjajah atau mengenakan kuasa pemerintahannya terhadap negara-negara lain. Manakala, Kamus Oxford pula mentakrifkan imperialisme merupakan satu sistem oleh sesebuah negara mengawal sesebuah negara lain yang sering dikaitkan dengan berperangan.

Tambahan lagi, takrifan ini turut mengakitkan imperialisme dengan keadaan sesebuah negara berkuasa besar yang mempengaruhi sesebuah negara lain melalui perniagaan, kebudayaan dan sebagainya.⁵ Berdasarkan kedua-dua pengertian ini, kawalan atau penguasaan merupakan ciri penting dalam epistemologi imperialisme. Namun, para sarjana mempunyai pandangan berbeza dalam menjelaskan istilah imperialisme dan perbezaannya dengan istilah kolonialisme.

D.K. Fieldhouse menjelaskan istilah imperialisme sebagai sebuah konsep hubungan antara satu masyarakat dominan yang mengawal satu masyarakat yang dianggap subordinat kepadanya. Dalam menjelaskan konsep ini, Fieldhouse turut mengaitkan perkembangan imperialisme dengan tahap evolusi ekonomi kapitalisme yang berlaku di Eropah dan Amerika Utara pada abad ke-19 dan abad ke-20. Keperluan untuk menguasai sumber ekonomi dianggap sebagai faktor yang mempengaruhi perkembangan imperialisme dengan meluaskan kuasa kawalan politik terhadap wilayah atau negara yang dikuasai.⁶ Pengaruh kapitalisme dalam perkembangan imperialisme British turut menjadi hujah J.A. Hobson dalam menjelaskan situasi tersebut pada abad ke-20. Namun, berbanding Fieldhouse, Hobson menjelaskan imperialisme British yang berlaku sejak tahun 1901 merupakan proses penguasaan British terhadap wilayah di kawasan tropika yang kebanyakannya dijadikan negeri-negeri naungan.⁷

Walaupun definisi Hobson dinilai sebagai tafsiran bersifat Marxisme,⁸ hujah beliau mempunyai meritnya apabila Patrick O'Brien mengaitkan faktor Revolusi Perindustrian Pertama yang berlaku antara tahun 1688 hingga 1846 merupakan tahap pertama perkembangan imperialisme British.⁹ Walaupun begitu, pengaruh kapitalisme ini hanya bertahan sehingga akhir abad ke-19,¹⁰ kerana sejak tahun 1895 neomerkantilisme mula mempengaruhi dasar imperial British terhadap tanah jajahan.¹¹ Malah, O'Brien turut bersetuju dengan hujah ini dengan mengaitkan zaman keemasan imperialisme British yang berlaku antara tahun 1918 hingga 1948 merupakan dekad neomerkantilisme.¹² Perubahan ini berlaku kerana kedudukan dan peranan kerajaan dinilai lebih dominan dalam menentukan dasar imperial sama ada berkaitan politik mahupun ekonomi terhadap tanah jajahannya.¹³ Walau bagaimanapun, Niall Ferguson menilai semula interpretasi imperialisme tersebut dengan mengaitkan peristiwa pelayaran Henry Morgan, Leftenan Gabenor bagi koloni British di Jamaica pada tahun 1663. Pelayaran Morgan ke Kepulauan Caribbean dianggap sebagai permulaan kepada perkembangan empayar British di luar perairan Inggeris. Ferguson menggunakan peristiwa pelayaran tersebut sebagai hujah untuk mentafsir imperialisme sebagai proses penjarahan atau usaha mencuri hasil dari wilayah empayar asing. Tambahan lagi, Ferguson berhujah pelayaran Morgan ke Caribbean bukanlah untuk melaksanakan kawalan Inggeris atau membuka koloni baharu terhadap wilayah tersebut, tetapi bermatlamat untuk menjarah hasil emas Sepanyol di Gran Grenada hinggalah ke Lago de Nicaragua iaitu koloni Sepanyol di Caribbean. Malah penjarahan Morgan terhadap koloni Sepanyol berlaku hinggalah ke Panama turut mendapat sokongan daripada kerajaan British.¹⁴

Berdasarkan perbincangan sarjana tersebut, aspek ekonomi merupakan faktor yang merangsang perkembangan imperialisme British. Walaupun pada peringkat awalnya dikaitkan dengan pengaruh kapitalisme terhadap kerajaan untuk mendapatkan wilayah atau saluran sumber modal dan bahan mentah untuk operasi industri, pengaruh neomerkantilisme turut menjadikan penguasaan sumber bahan mentah sebagai matlamat dalam dasar imperialnya.¹⁵ Justeru, George H. Nadel dan Perry Curtis meluaskan lagi definisi imperialisme dengan melibatkan peluasan kedaulatan atau kawalan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap politik atau ekonomi, oleh sesebuah kerajaan, bangsa atau masyarakat terhadap yang lain.¹⁶

Kapitalis budiman atau '*gentlemanly capitalist*' oleh P.J. Cain dan A.G. Hopkins merupakan pendekatan alternatif bagi perbincangan berkaitan perkembangan imperialisme British oleh sarjana terdahulu. Menerusi pendekatan ini, Cain dan Hopkins cuba membuktikan pengaruh kawalan golongan borjuis atau aristokrat British terhadap kerajaan imperial dan

Parlimen British dalam menggubal dasar imperial terhadap tanah jajahan.¹⁷ Golongan yang mempunyai kekuatan eksploitasi ekonomi ini dikatakan telah menjadi tulang belakang operasi Pejabat Tanah Jajahan dan pentadbiran di India selepas tahun 1850, dipercayai telah mempengaruhi perkembangan imperialisme British hinggalah ke Asia Tenggara. Hujahnya ialah berdasarkan latar belakang gabenor yang dilantik oleh Pejabat Tanah Jajahan mempunyai latar keluarga dan sosial kapitalis budiman tersebut.¹⁸ Tambahan lagi, London yang merupakan kota kosmopolitan imperialis dikatakan telah berubah kepada kota kapitalis budiman berdasarkan kawalan golongan tersebut terhadap institusi kewangan dan peniagaan di London.¹⁹ Sungguhpun begitu, berdasarkan hujah kelemahan dalam melaksanakan kaedah kajian sejarah, Hyam mengkritik pendekatan ini dengan mempersoalkan penggunaan teori dan sumber sekunder berbanding dokumen rasmi kerajaan dalam pembinaan kerangka kapitalis budiman.²⁰ Hyam membidas hujah Cain dan Hopkins terhadap kawalan kapitalis terhadap aktiviti ekonomi di Afrika dan Tanah Melayu berdasarkan bukti arkib yang menunjukkan peranan kerajaan kolonial yang lebih dominan. Walaupun, sikap kerajaan kolonial ada pada ketikanya cenderung untuk melindungi kepentingan ekonomi swasta, Hyam berhujah tiada bukti kukuh yang menunjukkan kapitalis mempunyai pengaruh penentu terhadap keputusan kerajaan.²¹

N.J. White turut menolak pendekatan kapitalis budiman dalam mengkaji sejarah imperialisme British terhadap Tanah Melayu. Hujah White ialah berdasarkan alasan sintesis Cain dan Hopkins terhadap pendekatan ini tidak melibatkan Tanah Melayu secara terperinci.²² Walaupun penulisan White cuba menggunakan pendekatan kapitalis budiman bagi menjelaskan penguasaan dan monopoli golongan kapitalis British terhadap kegiatan ekonomi Tanah Melayu, pendekatan ini tetap dinilai tidak sesuai kerana menganggap kerajaan dan kapitalis budiman merupakan entiti tunggal terhadap imperialisme British yang mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu. Hujah White ialah berdasarkan pengaruh kepentingan ekonomi Tanah Melayu yang lebih mempengaruhi keputusan pentadbiran kerajaan imperial terhadapnya. Malah, dasar ekonomi imperial terhadap Tanah Melayu juga banyak dipengaruhi pelbagai jabatan kerajaan imperial seperti Kabinet British, Perbendaharaan dan Pejabat Tanah Jajahan. Berdasarkan pelaksanaan dasar imperial yang kompleks ini, White berhujah kerajaan imperial lebih mendominasi imperialisme British terhadap Tanah Melayu berbanding kepentingan kapitalis budiman.²³ Bagaimanapun, kritikan White terhadap pendekatan kapitalis budiman juga tidak mencadangkan atau mempertimbangkan pendekatan lain yang sesuai untuk meneliti perkembangan imperialisme British terhadap Tanah Melayu.²⁴

Berdasarkan perbincangan sarjana tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa peranan kerajaan imperial lebih mendominasi perkembangan imperialisme British. Para sarjana juga lebih cenderung bersetuju dengan faktor ekonomi yang mempengaruhi pembentukan dasar imperial terhadap tanah jajahan demi kepentingan ekonomi di negara induk. Walaupun begitu, pendekatan kapitalis budiman dianggap tidak sesuai dalam menjelaskan perkembangan imperialisme British yang didominasi kerajaan. Pendekatan ini sebenarnya dapat membantu pengkaji memahami perkembangan sektor kewangan, perkhidmatan dan hubungannya dalam institusi politik dan sosial sama ada di kota metropolitan mahupun di tanah jajahan.²⁵

Perbezaan Imperialisme Dengan Kolonialisme

Fieldhouse berhujah kolonialisme merupakan kesan proses imperialisme yang menjadikan sesebuah wilayah sebagai penempatan tetap yang menjadi jajahan negara induk.²⁶ Menjelaskan lagi definisi kolonialisme, Hobson mengaitkannya dengan tindakan migrasi penduduk dari negara induk ke wilayah jajahan baharu yang mana mereka mempunyai taraf kewarganegaraan yang setaraf dengan penduduk yang kekal di negara induk. Tanah jajahan baharu yang juga dikenali sebagai koloni ini mempunyai kerajaan tempatan dan sistem perundangan mereka

sendiri tetapi kedaulatannya dikuasi oleh kerajaan negara induk.²⁷ Konteks yang sama juga dibahasakan oleh George H. Nadel dan Perry Curtis yang menjelaskan kolonialisme sebagai tindakan negara induk memiliki koloni yang sering dikaitkan dengan penindasan dan eksploitasi penjajah terhadap penduduk peribumi.²⁸ Oleh itu, perbezaan yang jelas antara imperialisme dengan kolonialisme ialah proses penjajahan menerusi kawalan dalam imperialisme berbanding pemilikan koloni dalam kolonialisme yang juga merupakan kesan daripada tindakan imperialisme. Walaupun begitu, bukan semua proses imperialisme menyebabkan kolonialisme, kerana dalam keadaan tertentu proses kawalan imperialisme hanya melibatkan penguasaan kedaulatan atau kawalan langsung kerajaan imperial terhadap tanah jajahannya menerusi mekanisme imperial yang ditubuhkan.²⁹

Namun, pada abad ke-19, interpretasi terhadap kolonialisme memberi tumpuan terhadap keadaan umum tanah jajahan atau sistem kolonial di tanah jajahan. Perubahan interpretasi ini boleh dikaitkan dengan perubahan dasar imperial pada tempoh tersebut yang tidak lagi membuka atau menguasai wilayah baharu untuk penempatan rakyat dari negara induk. Tetapi, tumpuan diberikan terhadap proses imperialisme atau kawalan kerajaan imperial terhadap wilayah di Asia khususnya tanah jajahan tropika.³⁰ Perubahan ini terus berlaku pada awal abad ke-20, apabila status kedudukan koloni awal British iaitu Kanada, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan juga berubah kepada koloni berkerajaan sendiri yang dikenali sebagai Dominion sejak tahun 1907.³¹ Oleh itu, negeri-negeri naungan atau '*Protectorates*' dari wilayah tropika mula menjadi sebahagian daripada tanah jajahan dalam empayar British yang turut dikenali sebagai Empayar Kolonial. Terdapat juga sudut pandang tempatan yang menganggap tindakan British menjadikan negara atau negeri mereka sebagai naungan merupakan satu bentuk hubungan naungan, namun prinsip kerajaan imperial di London ialah berbeza. Sudut pandang metropolitan terhadap tujuan utama pembentukan negeri naungan ialah untuk menguasai tanah jajahan tanpa sebarang liabiliti terhadap kerajaan imperial sepertimana tanah jajahan berstatus Tanah Jajahan Mahkota. Sistem penjajahan baharu ini telah dilaksanakan oleh British di wilayah tropika seperti Afrika, Asia Tenggara dan Pasifik yang mana mekanisme imperial yang dilaksanakan sama dengan penjajahan di Tanah Jajahan Mahkota.³²

Pembentukan Empayar British

Empayar British ialah wilayah diluar batasan United Kingdom yang ditadbir oleh kerajaan imperial berpusat di London. Wilayah ini disatukan dibawah autoriti Raja atau Ratu England yang dikuasai atau dikawal sama ada melalui penguasaan wilayah menerusi kuasa tentera atau perjanjian atau melalui kawalan ekonomi.³³ Pada tahun 1919, takrif empayar British menjadi sebahagian daripada undang-undang United Kingdom iaitu dalam Akta Kewangan 1919 yang mendefinisikan empayar British sebagai mana-mana Dominion baginda Raja England di luar Britain dan Ireland, dan mana-mana wilayah yang dinaungi baginda Raja England serta termasuk India.³⁴

Pengaruh imperialisme dalam pembentukan empayar British ialah melalui pelaksanaan dasar atau tindakan kerajaan imperial mengenakan kuasa kawalan terhadap wilayah yang dijajahnya.³⁵ Kawalan ini dilaksanakan menerusi pengenalan mekanisme imperial dalam bentuk kerajaan kolonial yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik oleh Pejabat Tanah Jajahan. Sebagai ketua pentadbir Pejabat Tanah Jajahan, Setiausaha Tanah Jajahan yang bertaraf menteri mengetuai pegawai-pegawai kolonial dalam melaksanakan dasar-dasar imperial di tanah jajahan.³⁶ Walaupun begitu, Pejabat Tanah Jajahan hanya ditubuhkan pada tahun 1854. Sebelumnya, pejabat ini dikenali sebagai Jabatan Kolonial yang ditubuhkan khusus untuk tanah jajahan di Amerika Utara pada tahun 1768. Setelah 13 belas tanah jajah Amerika merdeka pada tahun 1782, Jabatan Kolonial dimansuhkan dan

kemudiannya Pejabat Perang dan Tanah Jajahan ditubuhkan pada tahun 1801. Setelah, pentadbiran perang dipisahkan daripada jabatan ini, Pejabat Tanah Jajahan ditubuhkan sebagai mekanisme imperial yang khusus bagi tanah jajahan dalam empayar British.³⁷

Proses imperialisme dalam pembentukan empayar British pada peringkat awal di pengaruhi faktor perdagangan.³⁸ Keperluan untuk menguasai sumber kekayaan dan pasaran baharu perdagangan telah mendorong British untuk bersaing dengan empayar Sepanyol dan Portugal pada abad ke-16. Persaingan ini merupakan perebutan antara England dengan kedua-dua negara tersebut untuk menguasai wilayah pertanian baharu khususnya di Hindia Barat sebagai sumber komoditi aktiviti perdagangan mereka. Selain menerusi berperangan, proses imperialisme British pada peringkat ini juga melibatkan galakan modal bagi pelayaran dan migrasi penduduk ke wilayah Hindia Barat dan usaha untuk membuka penempatan kekal di wilayah Amerika Utara.³⁹ Sungguhpun begitu, dasar imperial yang jelas terhadap tanah jajahan bermula pada tahun 1649 apabila Parlimen Inggeris memperkenalkan stuktur politik baharu dengan menghimpunkan England, dominion dan seluruh wilayah jajahannya sebagai Komanwel.⁴⁰ Selepas tahun 1689, imperialisme British terhadap tanah jajahannya dikuasai sepenuhnya Parlimen Inggeris.⁴¹ Justeru, sepanjang tempoh ini, tanah jajahan British telah dikawal melalui pentadbiran jawatankuasa dalam Parlimen Inggeris serta '*Secretary of State for the Southern Department*' dan Lembaga Perdagangan dan Pertanian British.⁴² Berdasarkan perbincangan ini aspek ekonomi tidak dapat dipisahkan dalam analisis hubungan dan tahap perkembangan imperialisme Britain dengan tanah jajahan, kerana asas kepada penjajahan British ialah untuk menguasai sumber ekonomi sepertimana yang berlaku sejak akhir abad ke-16 lagi.⁴³ Malah, jika diteliti di peringkat global faktor ekonomi juga lebih dominan dalam mempengaruhi perkembangan imperialisme kuasa-kuasa Eropah ke negara-negara di wilayah Timur di samping faktor politik dan keagamaan.⁴⁴

PENGARUH MERKANTILISME DALAM PEMBENTUKAN EMPAYAR PERTAMA

Pengkaji sejarah imperialisme British meletakkan jangka masa antara 1569 hingga 1783 sebagai tahap awal perkembangan empayar British yang turut dikenali sebagai '*Old Empire*'.⁴⁵ Adam Smith, seorang ahli falsafah dan ekonomi berbangsa Scotland menilai peristiwa penjajahan yang berlaku ketika tempoh ini dipengaruhi doktrin merkantilisme atau sistem merkantil yang dilaksanakan oleh kerajaan British dan negara eropah yang lain.⁴⁶ Penjajahan yang dilakukan telah membawa kepada penguasaan koloni di Amerika Utara dan Hindia Barat yang berperanan sebagai pembekal sumber hasil pertanian yang diperlukan dalam kegiatan perdagangan.⁴⁷ Tumpuan terhadap sektor perdagangan ini ialah disebabkan pengaruh merkantilisme yang menjadikanimbangan perdagangan sebagai sumber kekayaan negara.⁴⁸ Justeru, ekonomi eksport diberi keutamaan bagi membolehkan komoditi dan barangan domestik diimport ke pasaran asing bagi mendapatkan aliran masuk emas dan perak yang merupakan instrumen pertukaran mata wang dalam transaksi perdagangan.⁴⁹ Oleh sebab itu, sejarawan British dan sejarawan Atlantik cenderung menggunakan kerangka merkantilisme dalam mengkaji hubungan antara imperialisme British dengan tanah jajahannya.⁵⁰

Pengaruh merkantilisme dalam sistem ekonomi imperial British boleh diteliti menerusi pelaksanaan dasar ekonomi yang bersifat nasionalisme untuk mencapai pertumbuhan ekonomi negara. Sifat nasionalisme tersebut diterjemahkan menerusi tumpuan perlindungan terhadap sumber ekonomi seperti bekalan makanan dan sumber bahan mentah yang diperlukan dalam sektor perindustrian negara. Justeru, bagi mendapatkan bekalan sumber ekonomi tersebut, merkantilisme telah mempengaruhi dasar imperial British untuk mengawal secara langsung wilayah yang menjadi tempat bergantung Britain bagi mendapatkan sumber yang diperlukan. Bentuk hubungan kebergantungan ini telah mendorong proses penjajahan atau kolonialisasi British terhadap wilayah-wilayah tertentu yang berperanan sebagai pembekal sumber yang

diperlukan negara induk.⁵¹ Berdasarkan orientasi ekonomi ini, merkantilisme sering disimpulkan sebagai sistem ekonomi yang mengutamakan imbalan perdagangan bagi meningkatkan aliran masuk wang atau sumber kekayaan ke dalam negara.⁵²

Peristiwa penting dalam pembentukan Empayar Pertama berlaku pada tahun 1650 dan 1651 apabila Parlimen Inggeris menguatkuasakan Akta Pelayaran. Akta ini menjadi sumber sejarah yang membuktikan pengaruh langsung merkantilisme dalam dasar ekonomi imperial British pada abad ke-17. Kedua-dua akta ini memberi kuasa kepada kerajaan Inggeris menjadikan tanah jajahan di Amerika Utara dan di Hindia Barat subordinat kepada England. Kesannya, setiap undang-undang dan peraturan yang ingin dilaksanakan di kedua-dua wilayah tersebut hendaklah diluluskan dalam Parlimen Inggeris.⁵³ Akta ini juga merupakan satu bentuk kawalan ekonomi tanah jajahan oleh England dengan menghalang kapal-kapal asing untuk berdagang di tanah jajahan pertanian Inggeris di Amerika tanpa mendapatkan lesen daripada England. Malah, kerajaan Inggeris cuba untuk menyekat ekonomi tanah jajahan yang menentanginya melalui sekatan perdagangan asing di Barbados, Bermuda, Virginia dan Antigua.⁵⁴ Matlamat pelaksanaan Akta Pelayaran ini juga ialah bagi membolehkan Britain memaksimumkan keuntungan eksploitasi ekonomi terhadap Amerika Utara yang mana setiap kapal-kapal dagang yang ingin ke pelabuhan wilayah tersebut perlu melalui pelabuhan England terlebih dahulu. Di samping itu, monopoli Britain terhadap komoditi perdagangan bernilai tinggi juga dikuatkuasakan menerusi akta ini apabila kerajaan imperial mempunyai kuasa untuk menghalang apa sahaja komoditi kolonial daripada dibekalkan kepada negara asing.⁵⁵ Kawalan ekonomi Britain terhadap tanah jajahannya turut dilaksanakan melalui penguatkuasaan akta bersifat merkantilisme lain seperti Akta Melarang Export Bulu Biri-Biri Mentah, Benang Bulu atau Kain pada tahun 1699, Akta Topi 1732 dan Akta Besi 1750.⁵⁶


Pengaruh merkantilisme dalam pembentukan Empayar Pertama British memberi kesan langsung terhadap pengukuhan hegemoni ekonomi imperialnya antara abad ke-16 hingga akhir abad ke-18 di Lautan Atlantik.⁵⁷ Pengukuhan ini berlaku menerusi aliran pelaburan modal untuk membangunkan sumber komoditi di tanah jajahan Amerika Utara bagi memenuhi keperluan di negara induk. Selain komoditi pertanian, komoditi sumber mineral seperti emas dan batu besi turut dieksploitasi disebabkan permintaannya dalam pasaran Eropah.⁵⁸ Kesannya, sehingga pertengahan abad ke-17, eksport gula dan kapas telah menyumbang kepada sumber kekayaan tanah jajahan British di Amerika Utara, khususnya wilayah Barbados.⁵⁹ Pertumbuhan ekonomi eksport di Lautan Atlantik turut mempengaruhi permintaan tenaga buruh bagi memastikan komoditi asasi perdagangan dapat dibekalkan oleh tanah jajahan Amerika Utara. Justeru, perdagangan hamba di Lautan Atlantik yang dipelopori Sepanyol dan Portugis telah menjadi penyelesaian terhadap masalah kekurangan tenaga buruh di Amerika Utara.⁶⁰ Kesannya, hamba yang dipasarkan dari Hindia Barat telah menjadi komoditi perdagangan di Lautan Atlantik.⁶¹

Kekuatan ekonomi dalam jaringan perdagangan Lautan Atlantik turut membawa kepada penubuhan syarikat perdagangan yang dikurniakan Piagam Diraja untuk mengukuhkan imperialisme British di Amerika Utara dan Hindia Barat. Dalam erti kata lain piagam ini memberi kuasa kepada syarikat untuk menguasai wilayah baharu yang dikenali sebagai Tanah Jajahan Mahkota sejak abad 17. Syarikat berpiagam ini diberikan autonomi tertentu untuk menubuhkan kerajaan dan badan perundangan kolonial yang diketuai gabenor.⁶² Selain sebagai satu bentuk pengukuhan imperialisme British, pembentukan Tanah Jajahan Mahkota juga merupakan satu bentuk perlindungan koloni British daripada penguasaan dan tuntutan dari kuasa imperial Sepanyol dan Portugis.⁶³ Antara syarikat berpiagam yang ditubuhkan di Amerika Utara ialah *'The Massachusetts Bay Company'* di koloni Massachusetts, Syarikat Virginia di koloni Virginia dan Syarikat Newfoundland di koloni Newfoundland.⁶⁴

Pembentukan empayar British di wilayah timur turut melalui penguasaan syarikat berpiagam iaitu menerusi pemberian Piagam Diraja kepada *'Governor and Company of*

*Merchants of London trading to the East Indies*⁶⁵ juga dikenali sebagai Syarikat Hindia Timur. Syarikat ini meneruskan penguasaan British ke wilayah di luar Lautan Atlantik iaitu ke India dan seterusnya Asia Tenggara.⁶⁶ Peristiwa pengurniaan Piagam Diraja kepada Syarikat Hindia Timur pada tahun 1599 telah mengabsahkan peranan syarikat sebagai mekanisme imperial British ke wilayah timur, terutamanya India.⁶⁷ Pertapakan awal Syarikat Hindia Timur di India dikesan seawal tahun 1613 apabila pihak syarikat berjaya mengalahkan angkatan laut Portugis di perairan berdekatan Surat. Kesannya, Maharaja Mughal telah memberi kebenaran kepada syarikat untuk beroperasi di wilayahnya. Situasi ini mempengaruhi perkembangan kilang atau gudang syarikat di sekitar pelabuhan Madras, Bombay dan Calcutta sebagai pusat pentadbirannya.⁶⁸ Penguasaan wilayah oleh syarikat di India diteruskan lagi menerusi kuasa tentera yang menyaksikan sebanyak £8 juta telah dibelanjakan antara tahun 1760 hingga 1770 untuk pembangunan tentera di Bengal.⁶⁹ Kuasa hak perdagangan eksklusif yang dimiliki syarikat ini turut membawa hubungan perdagangan British yang berpusat di Calcutta hingga ke China dengan merentasi Alam Melayu.⁷⁰ Walau bagaimanapun, setelah kerajaan British memansuhkan kuasa monopoli Syarikat Hindia Timur pada tahun 1813, pembentukan empayar British di India kemudiannya dikawal terus oleh kerajaan imperial yang berpusat di London.⁷¹

Rajah 1, Peta tanah jajahan dalam Empayar Pertama British sehingga tahun 1713



Sumber: http://users.clas.ufl.edu/harlandj/maps/british%20empire/british_empire_1713.gif
[Diakses pada 16 Mei 2020]

Rajah 1 di atas memetakan tanah jajahan British ketika era Empayar Pertama yang tertumpu di sekitar Lautan Atlantik hingga ke Lautan India. Tanah jajahan yang dimaksudkan ialah 13 koloni di Amerika,⁷² tanah jajahan di kepulauan Caribbean juga dikenali Hindia Barat yang melibatkan Bermuda, Bahamas, Jamaica, Grand Cayman, Barbuda, Antigua, Dominica, Barbados, Grenada, Tobago dan Trinidad. Manakala tiga lagi tanah jajahan di India iaitu Madras, Calcutta dan Bombay.⁷³ Tanah jajahan British di benua Amerika merupakan wilayah penting bagi ekonomi British berdasarkan sumbangannya sebagai pembekal bahan mentah, berbanding tanah jajahan di Hindia Barat yang kebanyakannya merupakan pengkalan tentera laut (Jamaica, Antigua) dan menjadi rebutan dengan kuasa kolonial lain (St. Lucia, St. Vincent, Tobago, Dominica dan Grenada).⁷⁴

PENGARUH PERDAGANGAN BEBAS DALAM PEMBENTUKAN EMPAYAR KEDUA

Terdapat dua peristiwa politik antarabangsa yang menjadi permulaan dan pengakhiran dalam pembentukan Empayar Kedua British. Peristiwa kemerdekaan 13 tanah jajahan di Amerika pada tahun 1783 merupakan permulaan kepada pembentukan Empayar Kedua, manakala peristiwa Revolusi Perindustrian Kedua pada tahun 1870 merupakan penamat bagi era Empayar Kedua. Kemerdekaan 13 koloni British di Amerika juga menjadi titik keretakan orde merkantilisme dalam pembentukan empayar British pada abad ke-19. Tambahan lagi, penerbitan magnum opus Adam Smith iaitu *'The Wealth of Nation'* pada tahun 1776 telah mempengaruhi perkembangan gerakan perdagangan bebas British yang bermula pada tahun 1820.⁷⁵ Pengalaman kegagalan British mempertahankan empayarnya di Lautan Atlantik juga memberi pengajaran bahawa merkantilisme atau sistem merkantil yang mempengaruhi pembentukan Empayar Pertama tidak efisien. Masalah ini membawa kepada siri peristiwa petisyen oleh pedagang British di London kepada kerajaan agar melaksanakan amalan perdagangan bebas. Tujuannya ialah untuk menghapuskan campur tangan langsung kerajaan dalam perdagangan antarabangsa. Petisyen ini termasuklah tuntutan menghapuskan kawalan perdagangan menerusi sekatan import dari negara asing dan pemansuhan Akta Pelayaran yang merupakan nadi merkantilisme dalam sistem ekonomi imperial.⁷⁶ Perubahan ini turut mempengaruhi tuntutan kerajaan kolonial di tanah jajahan diberikan peluang untuk mentadbir sendiri aktiviti ekonomi mereka ketika era Empayar Kedua.⁷⁷

Peristiwa kemerdekaan 13 tanah jajahan Amerika merupakan kesan sekatan ekonomi yang dilaksanakan British dalam dasar ekonomi imperialnya ketika era Empayar Pertama.⁷⁸ Hujah ini berdasarkan kritikan Adam Smith terhadap pengaruh merkantilisme yang menjadikan kawalan politik dan komersial sebagai mekanisme imperial mengeksploitasi keuntungan di tanah jajahan.⁷⁹ Oleh itu, bagi memastikan Britain dapat menembusi pasaran Amerika pasca tahun 1783, dasar ekonomi merkantilisme tidak boleh dilaksanakan. Perubahan dasar imperial perlu dilakukan British kerana kebergantungannya terhadap sumber komoditi perdagangan di Amerika.⁸⁰ Tambahan lagi, penyokong perdagangan bebas di London, Manchester dan Glasgow bimbang dengan tindak balas dari negara asing termasuklah Amerika yang akan mengenakan duti import terhadap eksport Britain sekiranya kerajaan imperial tetap ingin meneruskan dasar tarif merkantilisme.⁸¹ Menerusi penghapusan duti import, penyokong perdagangan bebas British percaya kos import bahan mentah dari Amerika akan dapat direndahkan dan pedagang British mampu mengeksport komoditi dan produknya ke Amerika dan pasaran Eropah. Tambahan lagi, menerusi sistem perdagangan bebas ini juga pedagang British cuba untuk menurunkan harga produk makanan yang diimport dari luar negara.⁸²

Selain faktor desakan penyokong perdagangan bebas, faktor kemerosotan perdagangan yang berlaku pada tahun 1840-an turut mendorong kerajaan imperial memansuhkan pengaruh merkantilisme dalam dasar ekonomi imperial.⁸³ Perubahan awal yang dilakukan oleh kerajaan imperial ialah melalui peristiwa meluluskan *'Reciprocity of Duties Act'* di Parlimen British pada tahun 1823. Akta ini telah membuka pintu perdagangan bebas Empayar Kedua British, apabila pedagang British dibenarkan menandatangani perjanjian perdagangan bebas dengan pedagang asing. Pelaksanaan akta ini juga telah membolehkan Akta Pelayaran yang sebelum ini dipengaruhi merkantilisme dimansuhkan bagi membolehkan sistem perdagangan bebas dapat dilaksanakan sepenuhnya di Britain.⁸⁴

Kemerdekaan tanah jajahan Amerika turut mempengaruhi perubahan dasar ekonomi imperial yang cuba menjadikan England sebagai pusat entreport. Perubahan peranan pelabuhan ini merupakan strategi British untuk melindungi kepentingan ekonominya di Lautan Atlantik. Perubahan ini berlaku disebabkan Britain tidak lagi mempunyai tanah jajahan yang dapat membekalkan komoditi perdagangan selain di Hindia Barat.⁸⁵ Oleh itu, pengaruh perdagangan

bebas telah membawa kepada perubahan dasar ekonomi imperial daripada penguasaan sumber bahan mentah kepada penguasaan pusat pengumpulan bahan mentah. Tambahan lagi, penghapusan kuasa monopoli Syarikat Hindia Timur oleh kerajaan imperial pada tahun 1833 juga merupakan strategi untuk menjadikan England sebagai pusat entreport dalam jaringan perdagangan timur ke barat.⁸⁶ Kesannya peringkat awal perubahan ini boleh dinilai berdasarkan pencapaian nilai eksport Britain pada tahun 1830. Menerusi perdagangan bebas, Britain berjaya menembusi pasaran ekonomi Amerika dengan nilai eksport perdagangan sebanyak £6.1 juta dan £5.2 juta ke Amerika Selatan termasuk Mexico.⁸⁷ Sungguhpun begitu, perdagangan bebas memberi impak negatif terhadap industri gula kolonial di Hindia Barat. Tanpa perlindungan merkantilisme, eksport gula di Hindia Barat terpaksa bersaing dengan industri gula di Cuba dan Brazil. Kesannya, kepentingan ekonomi British di Hindia Barat runtuh apabila estet gula di British Guiana yang dibeli dengan harga £24 ribu pada tahun 1840, terpaksa dijual dengan harga £2,700 pada tahun 1849.⁸⁸


Pengaruh perdagangan bebas dalam pembentukan Empayar Kedua British juga membawa perubahan mekanisme imperial di tanah jajahan. Perubahan ini berlaku setelah penghapusan kuasa monopoli syarikat berpiagam yang juga menamatkan pentadbiran dan penjajahan menerusi kuasa tentera syarikat di tanah jajahan.⁸⁹ Walaupun tindakan ini mengurangkan kawalan eksekutif kerajaan imperial di tanah jajahan,⁹⁰ kerajaan imperial tetap membentuk mekanisme imperial baharu bagi membolehkan campur tangannya di tanah jajahan.⁹¹ Selain untuk melindungi kepentingan ekonomi negara induk, keperluan kerajaan imperial untuk mengekalkan kawalannya terhadap tanah jajahan ialah bagi menghadapi ancaman kuasa barat serta masalah Perang Napoleon yang dihadapi oleh Britain pada awal abad ke-19.⁹² Pembentukan mekanisme imperial pada abad ke-19 ini juga turut untuk mengekalkan Pax Britannica di tiga wilayah utama iaitu di Utara Amerika yang juga dikenali sebagai ‘*white settlement*’, India dan tanah jajahan lain.⁹³ Justeru, peristiwa yang berlaku rentetan daripada perubahan mekanisme imperial ini ialah pemberian status berkerajaan sendiri oleh kerajaan British kepada Kanada menerusi Akta Kanada pada tahun 1781. Peristiwa yang sama turut berlaku di Australia yang mendapat mandat berkerajaan sendiri pada tahun 1901 dan New Zealand pada tahun 1852 (sebelumnya merupakan Tanah Jajahan Mahkota sejak 1841). Berdasarkan mekanisme imperial baharu ini, tanah jajahan berkerajaan sendiri ataupun dominion mempunyai pentadbiran kolonial masing-masing yang berbeza dengan campur tangan yang minima dari London. Namun, institusi pentadbiran dan eksekutif Inggeris tetap dikekalkan bersama-sama undang-undangnya selagi mana kerajaan dominion tidak mempunyai alasan yang dipersetujui kerajaan imperial untuk tidak melaksanakannya.⁹⁴

Tambahan lagi, sistem Tanah Jajahan Mahkota turut diperkenalkan bagi membolehkan kerajaan imperial dapat meneruskan kawalan terhadap tanah jajahan lain menerusi kerajaan kolonial yang ditubuhkan.⁹⁵ Berbanding tanah jajahan ketika zaman Empayar Pertama yang terikat langsung dengan Parlimen Inggeris, perubahan sistem imperial ketika era Empayar Kedua memberi sedikit kebebasan terhadap operasi pentadbiran Tanah Jajahan Mahkota dengan membenarkan penubuhan institusi pentadbirannya sendiri seperti penubuhan kerajaan tempatan dan majlis perundangan. Walaupun begitu, institusi kolonial ini tetap mempunyai saluran yang sah bagi campur tangan kerajaan imperial di London.⁹⁶

Pengaruh perdagangan bebas turut berlaku dalam penguasaan wilayah jajahan baharu ketika pembentukan Empayar Kedua British. Pengaruh ini dibuktikan menerusi peristiwa campur tangan atau kawalan tidak langsung kerajaan imperial atau kerajaan kolonial terhadap tanah jajahan baharu.⁹⁷ Walaupun, tanah jajahan yang dikuasai menerusi penjajahan tidak langsung ini dianggap sebagai ‘*informal empire*’, hakikatnya campur tangan kerajaan imperial terhadap kerajaan kolonial tidak dapat dinafikan. Kerajaan imperial di London tetap mempunyai kuasa campur tangan terutamanya ketika menghadapi ancaman kuasa asing.⁹⁸ Bahkan, dasar pentadbiran kerajaan imperial memperkenalkan ‘*informal empire*’ bertujuan

untuk menjimatkan kos pentadbiran kolonial di India dan jajahan British yang lain.⁹⁹ Penjajahan tidak langsung ini diberi justifikasi oleh Setiausaha Luar Kerajaan British ketika persidangan parlimen pada tahun 1850, sebagai satu tindakan untuk mentamadunkan kerajaan bergolak yang memberi risiko terhadap pelabuhan British di negara mereka.¹⁰⁰ Retorik imperialis ini sebenarnya mempunyai agenda imperialisme untuk menguasai dan melindungi pasaran baharu untuk kegiatan perdagangan British. Justeru, alasan seperti masalah rasuah oleh Gabenor Turki digunakan untuk British dalam peristiwa rampasan Beirut dari kerajaan Turki pada tahun 1845. Alasan menghapuskan lanun pula digunakan British dalam peristiwa penguasaan wilayah di Teluk Parsi pada tahun 1855 dan di Tanah Melayu pada tahun 1855. Manakala alasan untuk mentamadunkan manusia menerusi penghapusan hamba turut digunakan British bagi menguasai pasaran perdagangan di Timur.¹⁰¹

Rajah 2 Peta tanah jajahan dalam Empayar Pertama British sehingga tahun 1850



Sumber: L. James, *The Rise and Fall of the British Empire*, hlm. 175.

Rajah 2 menunjukkan tanah jajahan dalam Empayar Kedua British mula berkembang ke rantau Timur. Pengaruh perdagangan bebas telah membawa kepada peristiwa penguasaan wilayah atau negara yang mempunyai kepentingan pelaburan modal British. Justeru, tumpuan imperialis British mula ke arah rantau Timur, khususnya wilayah beriklim tropika bagi menguasai sumber dan komoditi tropika yang mendapat permintaan dalam pasaran perdagangan global. Antara tahun 1841 hingga 1851 berlaku peristiwa penguasaan wilayah oleh British terhadap New Zealand, Gold Coast, Labuan, Natal, Punjab, Sind dan Hong Kong. Pertambahan wilayah jajahan dalam empayar British terus berlaku menjelang akhir abad ke-19 dengan melibatkan Berar, Oudh, Selatan Burma, Kowlon, Lagor, Sierra Leone, Basutoland, Griqualand, dan Transvaal.¹⁰²

PENGARUH NEOMERKANTILISME DALAM PEMBENTUKAN EMPAYAR KOLONIAL

Tahun 1895 hingga 1919 merupakan dekad empayar baharu British, apabila kerajaan imperial kini mempunyai dua kumpulan jajahan dalam empayarnya, iaitu Empayar Komanwel yang

merujuk kepada Dominion yang mempunyai kerajaan sendiri dan Empayar Kolonial yang merangkumi Tanah Jajahan Mahkota dan Negeri Naungan.¹⁰³ Walaupun begitu, terdapat pandangan yang menjadikan tahun 1815 sebagai permulaan kepada ‘Dekad Imperial’ British hinggalah 1914. Pandangan ini ialah berdasarkan peristiwa kejayaan British menguasai Ceylon pada 19 Februari 1815 dengan mengalahkan pemerintahan kerajaan Singhalese yang berusia 2,357 tahun. British menganggap penaklukan Ceylon sebagai pencapaian ulungnya kerana tiada kuasa Eropah sebelumnya seperti Portugis dan Belanda dapat menakluki wilayah tersebut.¹⁰⁴ Tambahan lagi, tahun 1815 juga dianggap sebagai permulaan kepada supremasi armada laut British selepas kejayaannya dalam peristiwa Perperangan Napoleon pada tahun 1803.¹⁰⁵ Manakala penamat pada tahun 1914 ialah berdasarkan hujah kemerosotan supremasi British menjelang Perang Dunia Pertama. Selain terperangkap dalam kerangka geopolitik,¹⁰⁶ pendekatan ‘Dekad Imperial’ juga terbatas dalam kerangka perdagangan bebas sedangkan pada akhir abad ke-19 lagi telah berlaku perubahan orientasi ekonomi di Britain.¹⁰⁷

Peristiwa kemerosotan ekonomi yang berlaku antara tahun 1873 hingga 1893 telah mendorong kepada kebangkitan neomerkantilisme British. Selain berhadapan dengan masalah kejatuhan harga bahan mentah, Britain turut berhadapan dengan masalah peningkatan tarif perdagangan oleh negara Eropah seperti Perancis, Jerman, Australia dan Itali. Masalah ini berlaku disebabkan kegagalan diplomat British untuk meneruskan perjanjian komersial dengan negara tersebut dan perubahan sikap negara Eropah yang mula melaksanakan tarif perlindungan.¹⁰⁸ Perubahan orientasi ekonomi Eropah ini telah menyebabkan ahli ekonomi British mula mempertikaikan kesan dasar perdagangan bebas terhadap Britain yang berhadapan dengan persaingan Jerman dan Amerika Syarikat yang melaksanakan dasar neomerkantilisme.¹⁰⁹ Berbanding Britain yang masih melaksanakan dasar perdagangan bebas, pada tahun 1878 pemerintahan Bismarck di Jerman telah melaksanakan dasar neomerkantilisme dengan memulakan campur tangan kerajaan dalam sektor perindustrian dan pertanian. Manakala, Amerika Syarikat turut melaksanakan dasar yang sama dengan mengenakan perlindungan tarif perdagangan sejak tahun 1890 dan kemudiannya diikuti Perancis pada tahun 1892.¹¹⁰ Walau bagaimanapun, perpecahan berlaku dalam kerajaan imperial apabila penyokong perdagangan bebas masih mendominasi kerajaan, sementara penyokong neomerkantilisme berada dalam kelompok minoriti. Malah, usaha kerajaan imperial untuk mendapatkan sokongan Dominion untuk melaksanakan perubahan dasar tarif perdagangan juga ditolak. Faktornya ialah disebabkan kehendak kerajaan Dominion untuk mengekalkan status quo mereka dan mengelakkan campur tangan langsung kerajaan imperial dalam urusan ekonomi.¹¹¹

Walaupun begitu, situasi berbeza yang dihadapi Empayar Kolonial sejak tahun 1870. Di sebalik sikap kerajaan imperial dan Dominion yang ingin meneruskan dasar perdagangan bebas, pengaruh neomerkantilisme tetap wujud dalam pembentukan Empayar British. Dasar neomerkantilisme digunakan bagi melindungi dan menguasai Empayar Kolonial untuk mengukuhkan eksploitasi ekonomi di tanah jajahan sebagai penyelesaian kemerosotan ekonomi di Britain. Malah perubahan tumpuan imperialisme British terhadap Empayar Kolonial telah berlaku lebih awal melalui peristiwa penubuhan ‘*Royal Colonial Institute*’ pada tahun 1868.¹¹² Institusi ini berperanan sebagai institusi imperial yang berpusat di metropolis bagi menghimpunkan ahli politik dan pegawai kolonial di tanah jajahan. Viscount Bury, Presiden pertama bagi institut ini menjelaskan antara tumpuan yang diberikan oleh ‘*Royal Colonial Institute*’ ialah

Amongst the subjects that occurred to me are engineering, trade, mines, finance, missions, the history of the Aborigines, and all that relates to the Aboriginal tribes in our various dependencies; shipping intelligence, the progress of shipbuilding in our

*several maritime dependencies, the advancement of art and science, archaeology, and matters relating to the early history of the colonies, ...*¹¹³

Berdasarkan tumpuan tersebut, institut ini memainkan peranan sebagai badan konsultasi dalam pembentukan dasar imperial British terhadap Empayar Kolonial.¹¹⁴ Pada tahun 1872, kedudukan Empayar Kolonial menjadi antara agenda dalam usaha kesatuan empayar British. Keperluan untuk British mempertahankan kedudukan Empayar Kolonial sebagai sebahagian daripada Empayar British ialah disebabkan, "... *England with her colonies is still a giant amongst nations, and that without them she would be a dwarf*".¹¹⁵ Kebergantungan British terhadap tanah jajahan ini menunjukkan bahawa pengaruh merkantilisme dalam pembentukan Empayar Pertama British tetap mempengaruhi pembentukan Empayar Kolonial pada akhir abad ke-19.¹¹⁶

Tambahan lagi, walaupun pengaruh neomerkantilisme tidak lagi menentukan hubungan ekonomi Britain dengan Dominion pada abad ke-19, peristiwa pelaksanaan tarif perlindungan oleh kerajaan Dominion antara tahun 1846 hingga 1860 membuktikan bahawa pengaruh merkantilisme tetap wujud dalam perkembangan empayar British.¹¹⁷ Pengaruh ini turut berkembang di India pada tahun 1859, apabila tarif baharu diperkenalkan sebanyak 5 peratus untuk benang kapas dan hasil pembuatan kapas lain dengan kadar 10 peratus. Malah reaksi pedagang bebas British cuba untuk mengawal kadar tarif di Dominion dan India dikatakan gagal disebabkan status berkerajaan sendiri yang dimiliki oleh kedua-dua wilayah bergantung British tersebut.¹¹⁸ Oleh sebab itu, terdapat pandangan sarjana yang mentafsir perkembangan imperialisme British pada abad ke-19 ialah bersifat liberal.¹¹⁹ Situasi ini boleh dinilai berdasarkan keadaan, walaupun dominasi pengaruh perdagangan bebas yang anti kepada penguasaan wilayah jajahan baru kukuh, kebangkitan neomerkantilisme tetap mempengaruhi sikap kerajaan imperial yang mula memberi tumpuan terhadap isu kesatuan empayar. Malah, masalah hubungan antarabangsa yang dihadapi Britain pada tahun 1880-an dan 1890-an sebenarnya memberi kekuatan kepada kebangkitan neomerkantilisme dalam kalangan golongan imperialis British. Antaranya ialah, tindakan kerajaan Amerika Syarikat melaksanakan dasar Tarif McKinley sejak tahun 1890 telah mempengaruhi aktiviti perdagangan bebas di seluruh empayar British. Pelaksanaan kadar cukai sebanyak 50 peratus terhadap kebanyakan produk yang diimport dari Amerika Syarikat ini telah mempengaruhi ekonomi domestik tanah jajahan yang terpaksa membayar cukai yang tinggi untuk mendapatkan produk dari negara tersebut.¹²⁰ Oleh itu, gerakan campur tangan mula berlaku menerusi pembentukan kerajaan kolonial di tanah jajahan, peranan kerajaan imperial dalam membantu perusahaan British di tanah jajahan dalam menghadapi saingan ekonomi asing dan saluran bantuan kewangan.¹²¹

Masalah kemerosotan ekonomi dan perkembangan imperialisme British pada tahun 1880 telah mempengaruhi kepada siri peristiwa campur tangan kerajaan imperial terhadap tanah jajahan.¹²² Pengaruh perdagangan bebas yang terbatas dengan pembentukan empayar melalui penjajahan tidak langsung hanya meningkatkan supremasi British, tetapi tidak memberi jaminan keselamatan imperial melalui pemerintahan langsung.¹²³ Justeru, antara tahun 1884 hingga 1885, kerajaan imperial yang dikuasai golongan imperialis mula menjajah negeri naungan di Timur seperti Sudan, St. Lucia Bay, Tembuland, Bomvanaland dan Galekaland. Penguasaan wilayah-wilayah ini merupakan strategi yang digunakan untuk menyekat kemaraan imperialisme German bersama-sama Perancis dan bertujuan untuk menyeimbangkan kuasa imperial di Eropah.¹²⁴

Peristiwa campur tangan British di Timur juga ditafsir sebagai perkembangan imperialisme wilayah tropika kerana di sebalik retorik beban orang putih, matlamat penjajahan British tersebut sebenarnya untuk membangunkan ekonomi metropolis melalui pelaburan modal, jaminan pinjaman dan untuk meningkatkan pembangunan pertanian.¹²⁵ Tambahan lagi,

perubahan dasar imperial sejak tahun 1880 ini merupakan dominasi golongan imperialis yang menyokong neomerkantilisme dalam kerajaan imperial. Oleh itu, dasar perdagangan bebas mula digantikan dengan dasar neomerkantilisme, iaitu campur tangan kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui penjajahan wilayah beriklim tropika. Hujah ini berdasarkan strategi golongan imperialis bagi menyelesaikan masalah pengangguran dan kemunduran sektor perindustrian Britain dengan menjajah wilayah baharu yang mempunyai sumber bahan mentah.¹²⁶ Tokoh penting yang menggerakkan kebangkitan neomerkantilisme ini ialah Joseph Chamberlain, Presiden Lembaga Perdagangan British (1880-1885) dan The Marquis of Salisbury, Perdana Menteri United Kingdom (1895-1902).¹²⁷

Pengaruh neomerkantilisme dalam pembentukan Empayar Kolonial menjadi lebih dominan setelah Chamberlain dilantik sebagai Setiausaha Tanah Jajahan (1895-1903). Walaupun tempoh pentadbiran beliau di Pejabat Tanah Jajahan singkat, dasar imperial bersifat neomerkantilisme telah mempengaruhi kebanyakan pembentukan dasar imperial pada tahun 1920-an dan 1930-an. Antaranya, dasar pembangunan tanah jajahan, dasar keutamaan imperial, dasar tarif perlindungan dan dasar kesatuan imperial. Chamberlain juga memperkenalkan konsep baharu Empayar British pada tahun 1897. Beliau menjelaskan kedudukan Dominion tidak boleh dianggap sebagai wilayah bergantung dalam Empayar British, memandangkan tanah jajahan ini mempunyai autonomi dan berkerajaan sendiri. Oleh itu, bagi mengenalkan kedudukan '*Pax Britannica*', wilayah beriklim tropika (kemudiannya dikenali sebagai Empayar Kolonial) dijajah sebagai sebahagian daripada Empayar British.¹²⁸ Pengaruh neomerkantilisme yang dibawa oleh Chamberlain terhadap pembentukan Empayar Kolonial ialah kempen untuk meningkatkan bantuan kerajaan imperial terhadap pembangunan ekonomi di Empayar Kolonial. Justifikasai Chamberlain terhadap usaha ini ialah Britain akan memperolehi manfaat ekonomi menerusi penguasaan pasaran ekonomi dan sumber produk makanan serta bahan mentah untuk sektor pertanian, melalui campur tangan kerajaan imperial dalam aktiviti ekonomi di tanah jajahan.¹²⁹

Selain itu, Chamberlain turut cuba mendapatkan kepercayaan Parlimen British dan kerjasama Dominion dalam melakukan reformasi tarif bagi melindungi sektor perdagangan Britain daripada persaingan negara asing. Walaupun beliau gagal dalam usaha reformasi tarif,¹³⁰ peranan Chamberlain dalam mengukuhkan pengaruh neomerkantilisme tetap wujud sehingga awal abad ke-20. Kritikan Chamberlain terhadap dasar perdagangan bebas pada tahun 1903 di Glasgow, iaitu tempat kelahiran Adam Smith menjadi peristiwa penting kebangkitan pengaruh neomerkantilisme. Beliau mengkritik kegagalan perdagangan bebas yang menyebabkan eksport Britain yang tidak mengalami pertumbuhan selama 30 tahun, berbanding Amerika Syarikat dan Jerman yang bangkit sebagai kuasa neomerkantilisme. Kemunduran ekonomi ini turut berlaku di tanah jajahan British yang mula didominasi dengan import dari negara asing berbanding import dari Britain. Beliau juga mengingatkan bahawa risiko yang sama bakal dihadapi oleh negara Dominion lain seperti Kanada, Australia dan Afrika Selatan sekiranya tarif perlindungan tidak dilaksanakan. Berdasarkan kritikan Chamberlain ini, kepentingan dasar imperial bersifat neomerkantilisme perlu dilakukan disebabkan kedudukan Britain yang tidak mempunyai sumber bahan mentah yang kukuh. Justeru, kebergantungan terhadap tanah jajahan perlu dilakukan bagi memastikan sektor perindustrian Britain berdaya saing dengan kekuatan bahan mentah yang mapan dari tanah jajahan.¹³¹

Walau bagaimanapun, dasar imperial bersifat neomerkantilisme oleh Chamberlain mula mendapat perhatian kerajaan imperial menjelang Perang Dunia Pertama bagi melindungi kepentingan ekonomi British dari serangan musuh.¹³² Sementara, Winston Churchill dan Persidangan Ekonomi Imperial turut bersetuju untuk melaksanakan dasar kebergantungan sumber bahan mentah dan dasar pembangunan tanah jajahan ketika menghadapi kemelesetan ekonomi pasca Perang Dunia Pertama.¹³³ Pengaruh neomerkantilisme dalam pembentukan Empayar Kolonial lebih dominan setelah Leo Amery, Setiausaha Tanah Jajahan (1924-1929)

menganjurkan Persidangan Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1927.¹³⁴ Secara keseluruhannya, pengaruh neomerkantilisme dalam perkembangan imperialisme British pada abad ke-20 telah membawa kepada pelaksanaan dasar kesatuan imperial, reformasi tarif, keutamaan imperial, tajaan kerajaan dalam reformasi sosial dan kawalan kerajaan terhadap industri dan tenaga buruh.¹³⁵ Asas kepada pelaksanaan dasar ini ialah menerusi peranan kerajaan imperial di London sebagai metropolis bagi meningkatkan aliran eksport modal ke tanah jajahan untuk tujuan pembangunan sumber tropika seperti getah, minyak, emas, tanah dan pembangunan domestik bagi merangsang pertumbuhan ekonomi eksport tanah jajahan.¹³⁶

KESIMPULAN

Peristiwa dalam fenomena ekonomi mempunyai pengaruh langsung dalam perkembangan imperialisme British antara zaman Empayar Pertama, Empayar Kedua dan Dekad Empayar. Sepanjang perkembangan ini berlakunya peristiwa bersejarah dalam politik antarabangsa, khususnya hubungan Britain dengan Dominion yang berkerajaan sendiri dan hubungan Britain dengan Empayar Kolonial. Bentuk hubungan ini lebih didominasi faktor ekonomi antara negara induk dengan tanah jajahan yang didasari idea ekonomi yang berkembang antara zaman tersebut, iaitu merkantilisme, perdagangan bebas dan neomerkantilisme.

Merkantilisme mempengaruhi pembentukan Empayar Pertama British menerusi peristiwa penjarahan dan penguasaan tanah jajahan di wilayah Amerika Utara termasuklah Kanada. Kelulusan Akta Pelayaran 1650 dan 1651 merupakan punca kuasa bagi pelayar dan pedagang British menguasai wilayah baharu diluar kepulauan Inggeris. Perkara ini telah membawa kepada peristiwa penjajahan oleh syarikat berpiagam Inggeris terhadap tanah jajahan yang mempunyai sumber ekonomi yang diperlukan di England. Walau bagaimanapun, kelemahan sistem merkantil iaitu tekanan cukai oleh kerajaan British telah mendorong 13 tanah jajahan Amerika mula berjuang untuk keluar daripada kepompong orde lama yang berpusat di England. Kesannya, berlakunya peristiwa Perang Revolusi Amerika sejak tahun 1775 dan mencapai kemerdekaan pada tahun 1783. Peristiwa ini telah mengakibatkan runtuhnya Empayar Pertama British pada akhir abad ke-18. Selain daripada faktor kelemahan merkantilisme, peristiwa lain yang turut mempengaruhi keruntuhan Empayar Pertama ialah pengaruh penerbitan penulisan idea ekonomi Adam Smith pada tahun 1776 iaitu *'The Wealth of Nation'*. Idea ekonomi Smith banyak mengkritik sistem merkantil British yang dikatakan menyekat potensi sebenar ekonomi di tanah jajahan.

Sungguhpun begitu, kelemahan Empayar Pertama menjadi pengajaran kepada British dalam pembentukan Empayar Kedua. Peristiwa yang membawa tamatnya sistem merkantil British berlaku pada zaman Empayar Kedua apabila Akta Pelayaran mula dipinda pada tahun 1853 dan kemudiannya dimansuhkan pada tahun 1860. Pengaruh perdagangan bebas dalam Empayar Kedua tidak memberi tumpuan terhadap penjajahan wilayah pembekal sumber bahan mentah seperti ketika zaman Empayar Pertama. Perubahan orientasi ekonomi berlaku apabila, tumpuan British ketika ini ialah untuk menguasai kota kara pelabuhan dalam jaringan perdagangan global. Tujuannya ialah untuk menjadikan Britain sebagai negara perdagangan entreport. Justeru, berlakunya peristiwa penjelajahan dan penerokaan oleh syarikat berpiagam British untuk menguasai kota pelabuhan baharu di wilayah Timur. Antaranya penguasaan pelabuhan Pulau Pinang pada tahun 1786 sehinggalah pembentukan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826.

Setelah peristiwa pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 hinggalah bermulanya Revolusi Perindustrian kedua pada tahun 1870, kedudukan Empayar Kedua British merosot disebabkan kebangkitan neomerkantilisme di Eropah dan Amerika Syarikat. Britain dikatakan tidak mampu untuk bersaing dengan kuasa merkantilisme moden, terutamanya Amerika Syarikat dan Jerman. Justeru, golongan imperialis dalam kerajaan British mula mengkritik

amalan perdagangan bebas di United Kingdom. Peristiwa penting berlaku pada tahun 1896 apabila Joseph Chamberlain, Setiausaha Tanah Jajahan mula melaksanakan dasar kolonial bersifat neomerkantilisme, iaitu langkah perlindungan ekonomi imperial di seluruh tanah jajahan British.¹³⁷ Perkembangan ini seterusnya membawa kepada peristiwa penguasaan dan penjajahan langsung British di Asia dengan melaksanakan dasar ekonomi seperti keutamaan imperial dan pembentungan zon perdagangan imperial bagi mengukuhkan lagi hubungan ekonomi antara negara induk dengan tanah jajahan.¹³⁸

NOTA AKHIR

¹P. O'Brien, *Imperialism and the Rise and Decline of the British Economy, 1688-1989*, *New Left Review*, Vol. I, No. 238, 1999, hlm. 49.

²J. H. Wiener (pnyt.), *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*, Vol. III, Chelsea House Publishers, New York, 1972, hlm. 2378.

³J. A. Hobson, *Imperialism: A Study*, James Pott & Company, New York, 1902, hlm. 4 & 25.

⁴M. Havinden & D. Meredith, *Colonialism and Development: Britain and Its Tropical Colonies, 1850-1960*, Routledge, New York, 1993, hlm. 3 & 8.

⁵Oxford Learner's Dictionaries, Oxford University Press, 2020, <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/imperialism?q=imperialism>, diakses pada 14 Mei 2020.

⁶D.K. Fieldhouse, *Colonialism 1870-1945: An Introduction*, Weindenfeld and Nicolson, London, 1981, hlm. 1-3.

⁷J.A. Hobson, *Imperialism: A Study*, James Pott & Company, New York, 1902, hlm. 15.

⁸J. C. Wood, J.A. Hobson and British Imperialism, *American Journal of Economics and Sociology*, 42(4), 1983, hlm. 483.

⁹P. O'Brien, *Imperialism and the Rise and Decline of the British Economy, 1688-1989*, hlm. 49.

¹⁰J. Gallagher & R. Robinson, *The Imperialism of Free Trade*, Dlm. G. H. Nedel & P. Curtis, *Imperialism & Colonialism*, The Macmillan Company, London, 1964, hlm. 98.

¹¹A.F. Madden, *Changing Attitudes and Widening Responsibilities, 1895-1914*, Dlm. E.A. Benians, J.R.M. Butler, P.N.S. Mansergh & E.A. Walker (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. III: The Empire-Commonwealth 1870-1919, Cambridge University Press, Cambridge, 1959, hlm. 342.

¹²P. O'Brien, *Imperialism and the Rise and Decline of the British Economy, 1688-1989*, hlm. 49

¹³R. Hyam, *Britain's Imperial Century, 1815-1914: A Study of Empire and Expansion*, Ed. ke-3, Palgrave Macmillan, New York, 2002, hlm. xv.

¹⁴N. Ferguson, *Empire: How Britain Made the Modern World*, United Kingdom, Penguin Books, 2004, hlm. 1-2.

¹⁵S. Constantine, *The Making of British Colonial Development Policy 1914-1940*, Frank Cass, London, 1984, hlm. 11, 30-31.

¹⁶G. H. Nedel & P. Curtuis, Introduction, Dlm. *Imperialism & Colonialism*, hlm. 1.

¹⁷P.J. Cain & A.G. Hopkins, *British Imperialism 1688-2015*, Ed. ke-3, Routledge, London, 2016, hlm. 124-125.

¹⁸Ibid., hlm. 129.

¹⁹Ibid., hlm. 130.

²⁰R. Hyam, *Understanding the British Empire*, Cambridge University Press, Cambridge, 2010, hlm. 136-139.

²¹Huraian lanjut lihat R. Hyam, hlm. 136.

- ²²N.J. White, Gentlemanly capitalism and empire in the twentieth century: the forgotten case of Malaya, 1914-1965, Dlm. R.E. Dumett (pnyt.), *Gentlemanly Capitalism and British Imperialism: The New Debate on Empire*, Longman, London, 1999, hlm. 175. Lihat juga, A. Sutton, *The Political Economy of Imperial Relations: Britain, the Sterling Area, and Malaya 1945-1960*, Palgrave Macmillan, England, 2015, hlm. 17.
- ²³ N.J. White, hlm. 184-185.
- ²⁴A. Sutton, *The Political Economy of Imperial Relations: Britain, the Sterling Area, and Malaya 1945-1960*, hlm. 17.
- ²⁵P.J. Cain & A.G. Hopkins, Afterword: The theory and practice of British imperialism, Dlm. R.E. Dumett (pnyt.), hlm. 198.
- ²⁶D.K. Fieldhouse, *Colonialism 1870-1945: An Introduction*, hlm. 4-5.
- ²⁷J.A. Hobson, *Imperialism: A Study*, hlm. 4. D.K. Fieldhouse, *Colonialism 1870-1945: An Introduction*, hlm. 16.
- ²⁸G. H. Nedel & P. Curtuis, Introduction, Dlm. *Imperialism & Colonialism*, hlm. 3.
- ²⁹Ibid., hlm. 3.
- ³⁰D.K. Fieldhouse, *Colonialism 1870-1945: An Introduction*, hlm. 6.
- ³¹S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, Cambridge University Press, Cambridge, 1998, hlm. 27.
- ³²D.K. Fieldhouse, *Colonialism 1870-1945: An Introduction*, hlm. 17 & 30.
- ³³R. Johnson, *British Imperialism*, New York, Palgrave Macmillan, 2003, hlm. 1.
- ³⁴CO 717/55/7, Imperial Preference, 1927.
- ³⁵R. Johnson, *British Imperialism*, hlm. 1.
- ³⁶A. N. Porter & A.J. Stockwell, *British Imperial Policy and Decolonization, 1938-64*, Vol. 1, 1938-51, London, Macmillan Press Ltd., 1987, hlm. 8.
- ³⁷N. B. Foulds, Colonial Office, *The Canadian Encyclopaedia*, 2006, <https://www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/colonial-office>, diakses pada 15 Mei 2020.
- ³⁸W.H. Woodward, *A Short History of the Expansion of the British Empire 1500-1902*, Ed. ke-2, Cambridge University Press, Cambridge, 1902, hlm. 10.
- ³⁹Huraian lanjut berkaitan kronologi dan proses penjajahan di Amerika Utara dan ekspedisi pelayaran di Timur lihat, A.P. Newton, The Beginning of English Colonisation, 1569-1618, Dlm., J. H. Rose, A.P. Newton & E.A. Benians (pnyt.), *The Cambridge History of the Empire*, Vol. 1, The Macmillan Company, New York, 1929, hlm. 53-92.
- ⁴⁰J.A. Williamson, The Beginnings of An Imperial Policy, 1649-1660, Dlm. *The Cambridge History of the Empire*, Vol. 1, hlm. 208.
- ⁴¹C. M. Andrews, The Government of the Empire, 1660-1763, Dlm. *The Cambridge History of the Empire*, Vol. 1, hlm. 410.
- ⁴²N. B. Foulds, Colonial Office, *The Canadian Encyclopaedia*, 2006, <https://www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/colonial-office>, diakses pada 15 Mei 2020.
- ⁴³S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 1
- ⁴⁴Azharudin Mohamed Dali, *Sejarah India Moden: Imperialisme hingga Kemerdekaan*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018, hlm. 35.
- ⁴⁵Lihat perbincangan A.P. Newton, The Beginnings of English Colonisation, 1569-1618, Dlm. *The Cambridge History of the Empire*, Vol. 1, hlm. 69.
- ⁴⁶A. Smith, *The Wealth of Nations*, Bantam Dell, New York, 2003, hlm. 704-715
- ⁴⁷Ibid., hlm. 707.
- ⁴⁸Ibid., hlm. 543.
- ⁴⁹A. Smith, *The Wealth of Nations*, hlm. 546.
- ⁵⁰Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pengkaji sejarah yang tidak bersetuju dengan pendekatan ini. Huraian lanjut lihat, ⁵⁰Jonathan Barth, *Reconstructing Mercantilism*:

Consensus and Conflicts in British Imperial Economy in the Seventeenth and Eighteenth Centuries, *The William and Mary Quarterly*, 73(2), 2016, hlm. 261.

⁵¹C. P. Nettels, British Mercantilism and the Economic Development of the Thirteen Colonies, *The Journal of Economic History*, Vol. 12, No. 2, 1952, hlm. 105.

⁵²J. Barth, Reconstructing Mercantilism: Consensus and Conflict in British Imperial Economy in the Seventeenth and Eighteenth Centuries, hlm. 257.

⁵³J.A. Williamson, The Beginnings of An Imperial Policy, 1649-1660, hlm. 215.

⁵⁴Ibid., hlm. 216.

⁵⁵S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 5.

⁵⁶Ibid., hlm. 5.

⁵⁷J. Barth, Reconstructing Mercantilism: Consensus and Conflict in British Imperial Economy in the Seventeenth and Eighteenth Centuries, hlm. 262.

⁵⁸J.H. Elliot, *Empires of the Atlantic World: Britain and Spain in America 1492-1830*, Yale University Press, New Haven, 2007, hlm. 91.

⁵⁹Ibid., hlm. 96.

⁶⁰Ibid., hlm. 100.

⁶¹Huraian lanjut lihat J.H. Elliot, hlm. 102-108.

⁶²E. Mancke, Chartered Enterprises and the Evolution of the British Atlantic World, Dlm., E. Mancke & C. Shammas, *The Creation of the British Atlantic World*, John Hopkins University Press, Maryland, 2005, hlm. 237-240.

⁶³Ibid.

⁶⁴Huraian lanjut lihat E. Mancke, hlm. 241-247.

⁶⁵Antara tahun 1600 hingga 1708, Syarikat Hindia Timur dikenali sebagai ‘*Governor and Company of Merchants of London trading to the East Indies*’. Kemudiannya, ‘*United Company of Mercants of England Trading to the East Indies*’. Encyclopaedia Britannica, East India Company, 2020, <https://www.britannica.com/topic/East-India-Company> [30 Mei 2020].

⁶⁶W. Dalrymple, *The Anarchy: The Relentless Rise of The East India Company*, Bloomsbury Publishing, London, 2019, hlm. 9.

⁶⁷Azharudin Mohamed Dali, *Sejarah India Moden: Imperialisme hingga Kemerdekaan*, hlm. 41.

⁶⁸S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 17.

⁶⁹Ibid., hlm. 18.

⁷⁰Azharudin Mohamed Dali, hlm. 41. Pertapakan Syarikat Hindia Timur telah dibincangkan dalam kajian Nordin Hussin, *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, NIAS Press, Copenhagen, hlm. 11. Perbincangan berkaitan hubungan pedagang persendirian atau ‘*Country trades*’ di Asia Tenggara pada abad ke-17 dan abad ke-18 telah dijelaskan dalam penulisan D.K. Basset, *The British in South-East Asia during the Seventeenth and Eighteenth Centuries*, Centre for South-East Asian Studies, University of Hull, 1990.

⁷¹S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 17.

⁷²13 koloni Amerika tersebut ialah Connecticut, Delaware, Georgia, Maryland, Massachusetts, New Jersey, New York, New Hampshire, North Carolina, Pennsylvania, Rhode, South Carolina dan Virginia.

⁷³Lawrence James, *The Rise and Fall of the British Empire*, St. Martin’s Griffin, New York, 1994, hlm. 18.

⁷⁴N. Ferguson, *Empire: How Britain Made the Modern World*, hlm. 3. Lawrence James, *The Rise and Fall of the British Empire*, hlm. 18.

⁷⁵C.R. Fay, The Movement Towards Free Trade, 1820-1853, Dlm. H. Rose, A.P. Newton & E.A. Benians (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. II, Cambridge University Press, Cambridge, 1968, hlm. 388.

- ⁷⁶Ibid., hlm. 389-390.
- ⁷⁷J.H. Rose, A.P. Newton & E.A. Benians (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. II, hlm. v.
- ⁷⁸S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 28.
- ⁷⁹H.J. Habakkuk, Free Trade and Commercial Expansion, 1853-1870, Dlm. .H. Rose, A.P. Newton & E.A. Benians (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. II, hlm. 752.
- ⁸⁰C.R. Fay, The Movement Towards Free Trade, 1820-1853, hlm. 392.
- ⁸¹Parliament UK, *Free trade and Protection*, www.parliament.uk/about/living-heritage/transformingsociety/tradeindustry/importexport/overview/freetrade [31 May 2019].
- ⁸²L. James, *The Rise and Fall of the British Empire*, hlm. 171.
- ⁸³Ibid., hlm. 171.
- ⁸⁴Parliament UK, *Free trade and Protection*, www.parliament.uk/about/living-heritage/transformingsociety/tradeindustry/importexport/overview/freetrade [31 May 2019].
- ⁸⁵C.R. Fay, The Movement Towards Free Trade, hlm. 392-394.
- ⁸⁶Ibid., hlm. 39
- ⁸⁷Ibid., hlm. 398.
- ⁸⁸L. James, *The Rise and Fall of the British Empire*, hlm. 171-172.
- ⁸⁹P. Burroughs, Imperial Institutions and the Government of Empire, Dlm., A. Porter (pnyt.), *The Oxford History of the British Empire: The Nineteenth Century*, Oxford University Press, Oxford, 1999, hlm. 170.
- ⁹⁰J. H. Rose, A.P. Newton & E.A. Benians (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. II, hlm. vi.
- ⁹¹P. Burroughs, hlm. 173-176.
- ⁹²Huraian lanjut lihat S. S. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 28.
- ⁹³ R. Hyam, *Britain's Imperial Century, 1815-1914: A Study of Empire and Expansion*, 3rd Ed., Palgrave Macmillan, New York, 2002, hlm. 2.
- ⁹⁴D.K. Fieldhouse, *Colonialism 1870-1945: An Introduction*, hlm. 30.
- ⁹⁵Lihat Andrew Porter, Introduction: Britain and the Empire in the Nineteenth Century, Dlm. Andrew Porter (pnyt.), *The Oxford History of the British Empire: The Nineteenth Century*, Vol. III, Oxford University Press, Oxford, 1999, hlm. 4.
- ⁹⁶Vincent Harlow, The New Imperial System, 1783-1815, Dlm., J. Holland Rose, A.P. Newton & E.A. Benians (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. II, hlm. 187.
- ⁹⁷J. Gallagher & R. Robinson, The Imperialism of Free Trade, *The Economic History Review*, Vol. 6, No. 1, 1953, hlm. 4. Lihat juga J. Foreman-Peck, *A History of the World Economy: International Economic Relations since 1850*, Barnes & Noble Books, Totowa, 1983, hlm. 4.
- ⁹⁸J. Gallagher & R. Robinson, hlm. 4.
- ⁹⁹N. Ferguson, *Empire: How Britain Made the Modern World*, hlm. 370.
- ¹⁰⁰L. James, *The Rise and Fall of the British Empire*, hlm. 174.
- ¹⁰¹Ibid., hlm. 176-177.
- ¹⁰²J. Gallagher & R. Robinson, The Imperialism of Free Trade, *The Economic History Review*, Vol. 6, No. 1, 1953, hlm. 2-3.
- ¹⁰³E.A. Benians, The Empire in the New Age, 1870-1919, Dlm., E.A. Benians, J. Butler & C.E. Carrington (pnyt.), *The Cambridge History of the British Empire, Vol. III: The Empire-Commonwealth 1870-1919*, Cambridge University Press, Cambridge, 1959, hlm. 1.
- ¹⁰⁴R. Hyam, *Britain's Imperial Century, 1815-1914: A Study of Empire and Expansion*, hlm. 9.
- ¹⁰⁵Ibid., hlm. 16.
- ¹⁰⁶Huraian lanjut lihat, R. Hyam, hlm. xvi & 334.

- ¹⁰⁷ Huraian lanjut lihat, S. C. Smith, *British Imperialism 1750-1970*, hlm. 71- 74. Lihat juga J.C. Wood, *British Economists and the Empire*, Croom Helm, London, 1983, hlm. 25.
- ¹⁰⁸ P. K. O'Brien & G.A. Pigman, Free trade, British hegemony and the international economic order in the nineteenth century, *Review of International Studies*, Vol. 18, No. 2, 1992, hlm. 104.
- ¹⁰⁹ P. K. O'Brien & G.A. Pigman, hlm. 104. Lihat juga G.M. Koot, *Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain, 1870-1920*, Dlm., L. Magnusson (pnyt.), *Mercantilist Economics*, Springer Science+Business Media L.L.C., New York, 1993, hlm. 187.
- ¹¹⁰ G.M. Koot, *Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain, 1870-1920*, hlm. 188.
- ¹¹¹ P. K. O'Brien & G.A. Pigman, Free trade, British hegemony and the international economic order in the nineteenth century, hlm. 104.
- ¹¹² J. Griffith, *Imperial Culture in Antipodean Cities, 1880-1934*, Palgrave Macmillan, Hampshire, 2014, hlm. 1.
- ¹¹³ Proceedings of the Royal Colonial Institute, Volume the First, Royal Colonial Institute, London, 1869, hlm. 1.
- ¹¹⁴ Ibid., hlm. 4.
- ¹¹⁵ Proceedings of the Royal Colonial Institute, Volume the Fourth. 1872-73, Royal Colonial Institute, London, 1873, hlm. 218.
- ¹¹⁶ Lihat Adam Smith, *The Wealth of Nations*, hlm. 562-566.
- ¹¹⁷ H.J. Habakkuk, Free Trade and Commercial Expansion, 1853-1870, hlm. 753.
- ¹¹⁸ H.J. Habakkuk, Free Trade and Commercial Expansion, 1853-1870, hlm. 754.
- ¹¹⁹ Perbahasan lanjut lihat P.K. O'Brien, Colonies in Globalising Economy 1815-1948, Working Paper No. 0814, The 2nd GEHN Conference, Irvine, California, 15-17 January 2004, hlm. 5.
- ¹²⁰ Lihat Marc-William Palen, *The "Conspiracy" of Free Trade: The Anglo-American Struggle over Empire and Economic Globalisation, 1846-1896*, Cambridge University Press, Cambridge, 2016, hlm. 215-219.
- ¹²¹ R.E. Robinson, Imperial Problems in British Politics, 1880-1895, Dlm., E.A. Benians, J. Butler & C.E. Carrington (pnyt), *The Cambridge History of the British Empire, Vol. III: The Empire-Commonwealth 1870-1919*, hlm. 180.
- ¹²² Huraian lanjut lihat L. James, *The Rise and Fall of the British Empire*, hlm. 202-205.
- ¹²³ J. Gallagher & R. Robinson, The Imperialism of Free Trade, hlm. 12.
- ¹²⁴ R.E. Robinson, Imperial problems in British Politics, 1880-1895, Dlm. E.A. Benians, J. Butler & C.E. Carrington (pnyt), *The Cambridge History of the British Empire*, Vol. III, hlm. 142.
- ¹²⁵ Ibid., hlm. 159.
- ¹²⁶ Ibid., hlm. 160. Lihat juga, J. Griffith, *Imperial Culture in Antipodean Cities, 1830-1934*, hlm. 1
- ¹²⁷ R.E. Robinson, Imperial problems in British Politics, 1880-1895, hlm., 160.
- ¹²⁸ Speeches by Joseph Chamberlain, British Secretary of State for the Colonies, Given (a) on 3 March 1897 (Doc. 45) at the Royal Colonial Institution and (b) at Leicester, 30 November 1899 (Doc. 46), Dlm., G. Modelski & S. Modelski (pnyt.), *Documenting Global Leadership*, University of Washington Press, Seattle, 1988, hlm. 301-303.
- ¹²⁹ S. Constantine, *The Making of British Colonial Development Policy 1914-1940*, hlm. 11, 30-31.
- ¹³⁰ Huraian lanjut lihat P. K. O'Brien & G.A. Pigman, Free trade, British hegemony and the international economic order in the nineteenth century, hlm. 106.
- ¹³¹ Speech by Joseph Chamberlain at St. Andrew's Hall, Glasgow, Advocating Tariff Reform and a system of Imperial Preferences, 6 October 1903, Dlm. J.H. Wiener (ed.), *Great Britain:*

Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History. Vol. IV, Chelsea House Publishers, New York, hlm. 2841-2851.

¹³²Huraian lanjut lihat, Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin, 'Trade War': Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918, *Akademika*, Vol. 87, No. 1, 2017, hlm. 75-89.

¹³³Lihat Mohd Shazwan Mokhtar, Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, hlm. 183-199.

¹³⁴CO 885/29/6, Colonial Office Conference, 1927. Memoranda and papers.

¹³⁵G.M. Koot, Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain, 1870-1920, hlm. 189.

¹³⁶L.E. Davis & R. A. Huttenback, *Mammon and the Pursuit of Empire: The Economics Of British Imperialism*, Cambridge University Press, Cambridge, 1988, hlm. 30.

¹³⁷J. C. Wood, *British Economists and the Empire*, hlm. 25-29.

¹³⁸Jurgen Osterhammel, *The Transformation of the World: A Global History of the nineteenth Century*, Princeton University Press, Princeton, 2014, hlm. 427.

RUJUKAN

- Andrews, C. M. 1929. "The Government of the Empire, 1660-1763". In *The Cambridge history of the British Empire*. Vol. 1, edited by J. H. Rose, A.P. Newton and E.A. Benians, 405-436. New York: The Macmillan Company.
- Azharudin Mohamed Dali. 2018. *Sejarah India Moden: Imperialisme hingga Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Barth, Jonathan. 2016. "Reconstructing Mercantilism: Consensus and Conflicts in British Imperial Economy in the Seventeenth and Eighteenth Centuries." *The William and Mary Quarterly* 73(2): 257-290.
- Basset, D.K. 1990. *The British in South-East Asia during the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. University of Hull: Centre for South-East Asian Studies.
- Benians, E.A. 1959. "The Empire in the New Age, 1870-1919". In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. III, edited by E.A. Benians, J. Butler and C.E. Carrington, 1-16. Cambridge: Cambridge University Press.
- Burroughs, P. 1999. "Imperial Institutions and the Government of Empire." In *The Oxford History of the British Empire: The Nineteenth Century* edited by A. Porter, 170-197. Oxford: Oxford University Press.
- Cain, P.J. and Hopkins, A.G. 1999. "The theory and practice of British imperialism." In *Gentlemanly capitalism and British imperialism: The New Debate on Empire*, edited by R.E. Dumett, 196-220. London: Longman.
- Cain, P.J. and Hopkins, A.G. 2016. *British Imperialism 1688-2015*. Ed. ke-3. London: Routledge.
- CO 717/55/7. 1927. Imperial Preference.
- CO 885/29/6. Colonial Office Conference, 1927. Memoranda and papers.
- Constantine, S. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy 1914-1940*. London: Frank Cass.
- Dalrymple, W. 2019. *The Anarchy: The Relentless Rise of The East India Company*. London: Bloomsbury Publishing.
- Davis, L.E. and Huttenback, R. A. 1988. *Mammon and the Pursuit of Empire: The Economics of British Imperialism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Elliot, J.H. 2007. *Empires of the Atlantic World: Britain and Spain in America 1492-1830*. New Haven: Yale University Press.
- Encyclopaedia Britannica. 2020. East India Company. <https://www.britannica.com/topic/East-India-Company> [30 Mei 2020].
- Fay, C.R. 1968. "The Movement Towards Free Trade, 1820-1853". In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. II, edited by H. Rose, A.P. Newton and E.A. Benians, 389-416. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ferguson, N. 2004. *Empire: How Britain Made the Modern World*. United Kingdom: Penguin Books.
- Fieldhouse, D.K. 1981. *Colonialism 1870-1945: An Introduction*. London: Weindenfeld and Nicolson.
- Foreman-Peck, J. 1983. *A History of the World Economy: International Economic Relations since 1850*. Totowa: Barnes & Noble Books.
- Foulds, N. B. 2006. Colonial Office. *The Canadian Encyclopaedia*. <https://www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/colonial-office>. [15 Mei 2020]
- Gallagher, J. & Robinson, R. 1953. "The Imperialism of Free Trade." *The Economic History Review* 6(1): 1-15.

- Gallagher, J. & Robinson, R. 1964. "The Imperialism of Free Trade." In *Imperialism & Colonialism*, edited by G. H. Nedel and P. Curtis, 97-111. London: The Macmillan Company.
- Griffith, J. 2014. *Imperial Culture in Antipodean Cities, 1880-1934*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Habakkuk, H.J. 1968. "Free Trade and Commercial Expansion, 1853-1870." In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. II, edited by H. Rose, A.P. Newton and E.A. Benians, 753-806. Cambridge: Cambridge University Press.
- Harlow, Vincent. 1968. "The New Imperial System, 1783-1815." In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. II, edited by J. Holland Rose, A.P. Newton and E.A. Benians, hlm. 131-188. Cambridge: Cambridge University Press.
- Havinden, M. and Meredith, D. 1993. *Colonialism and Development: Britain and Its Tropical Colonies, 1850-1960*. New York: Routledge.
- Hobson, J. A. 1902. *Imperialism: A Study*. New York: James Pott & Company.
- Hyam, R. 2002. *Britain's Imperial Century, 1815-1914: A Study of Empire and Expansion*. 3rd Ed. New York: Palgrave Macmillan.
- Hyam, R. 2010. *Understanding the British Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- James, Lawrence. 1994. *The Rise and Fall of the British Empire*. New York: St. Martin's Griffin.
- Johnson, R. 2003. *British Imperialism*. New York: Palgrave Macmillan.
- Koot, G.M. 1993. "Historical Economics and the Revival of Mercantilism Thought in Britain, 1870-1920." In *Mercantilist Economics*, edited by L. Magnusson, 187-220. New York: Springer Science+Business Media L.L.C.
- Madden, A.F. 1959. "Changing Attitudes and Widening Responsibilities, 1895-1914." In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. III, edited by E.A. Benians, J.R.M. Butler, P.N.S. Mansergh and E.A. Walker, 338-405. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mancke, E. 2005. "Chartered Enterprises and the Evolution of the British Atlantic World." In *The Creation of the British Atlantic World*, edited by, E. Mancke and C. Shammas, 237-262. Maryland: John Hopkins University Press.
- Modelski, G. and Modelski, S. (eds.). 1988. *Documenting Global Leadership*. Seattle: University of Washington Press.
- Mohd Shazwan Mokhtar and Mohd Samsudin. 2017. "'Trade War': Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918." *Akademika* 87(1): 75-89.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2017. *Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*. Tesis Sarjana Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nedel, G. H. Curtuis, and P. 1964. "Introduction." In *Imperialism & Colonialism*, edited by G. H. Nedel & P. Curtis, 1-25. London: The Macmillan Company.
- Nettels, C. P. 1952. "British Mercantilism and the Economic Development of the Thirteen Colonies." *The Journal of Economic History* 12(2): 105-114.
- Newton, A.P. 1929. "The beginnings of English colonisation, 1569-1618." In *The Cambridge history of the British Empire*. Vol. I, edited by J. H. Rose, A.P. Newton and E.A. Benians, 55-92. New York: The Macmillan Company.
- Nordin Hussin. 2007. *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Copenhagen: NIAS Press.
- O'Brien, P. 1999. "Imperialism and the Rise and Decline of the British Economy, 1688-1989." *New Left Review*, I(238): 48-80

- O'Brien, P. K. and Pigman, G.A. 1992. "Free trade, British Hegemony and the International Economic Order in the Nineteenth Century." *Review of International Studies* 18(2): 89-113.
- O'Brien, P.K. 2004. "Colonies in Globalising Economy 1815-1948." Working Paper No. 0814. The 2nd GEHN Conference, Irvine, California, 15-17 January 2004.
- Osterhammel, Jurgen. 2014. *The Transformation of the World: A Global History of the nineteenth Century*. Princeton: Princeton University Press.
- Oxford Learner's Dictionaries. 2020. Oxford University Press. <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/imperialism?q=imperialism>. [14 Mei 2020].
- Palen, Marc-William. 2016. *The "Conspiracy" of Free Trade: The Anglo-American Struggle over Empire and Economic Globalisation, 1846-1896*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Parliament UK. 2019. *Free trade and Protection*. www.parliament.uk/about/living-heritage/transformingsociety/tradeindustry/importexport/overview/freetrade [31 May 2019].
- Porter, A. N. and Stockwell, A.J. 1987. *British Imperial Policy and Decolonization, 1938-64*. Vol. 1, 1938-51. London: Macmillan Press Ltd.
- Porter, Andrew. 1999. "Introduction: Britain and the Empire in the Nineteenth Century." In *The Oxford History of the British Empire: The Nineteenth Century*, edited by Andrew Porter, 1-30. Oxford: Oxford University Press.
- Robinson, R.E. 1969. "Imperial Problems in British Politics, 1880-1895." In *The Cambridge History of the British Empire*. Vol. III, edited by E.A. Benians, J. Butler and C.E. Carrington, 127-180. Cambridge: Cambridge University Press.
- Royal Colonial Institute. 1869. Proceedings of the Royal Colonial Institute. Volume the First, London.
- Royal Colonial Institute. 1873. Proceedings of the Royal Colonial Institute. Volume the Fourth, London.
- Smith, A. 2003. *The Wealth of Nations*. New York: Bantam Dell.
- Smith, Simon C. 1998. *British Imperialism 1750-1970*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sutton, A. 2017. *The Political Economy of Imperial Relations: Britain, the Sterling Area, and Malaya 1945-1960*. England: Palgrave Macmillan.
- White N.J. 1999. "Gentlemanly Capitalism and Empire in the Twentieth Century: The Forgotten Case of Malaya, 1914-1965." In *Gentlemanly capitalism and British imperialism: The new debate on empire*, edited by R.E. Dumett, 175-195. London: Longman.
- Wiener J.H. (ed.). 1972. *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*. Vol. IV. New York: Chelsea House Publishers, New York.
- Wiener, J. H. (ed.). 1972. *Great Britain: Foreign Policy and the Span of Empire 1689-1971: A Documentary History*. Vol. III. New York: Chelsea House Publishers.
- Williamson, J.A. 1929. "The Beginnings of An Imperial Policy, 1649-1660." In *The Cambridge history of the British Empire*. Vol. 1, edited by J. H. Rose, A.P. Newton and E.A. Benians, 207-238. New York: The Macmillan Company.
- Wood, J. C. 1983. "J.A. Hobson and British Imperialism." *American Journal of Economics and Sociology* 42(4): 483-500.
- Wood, J.C. 1983. *British Economists and the Empire*. London: Croom Helm.
- Woodward, W.H. 1902. *A Short History of the Expansion of the British Empire 1500-1902*. Ed. ke-2. Cambridge: Cambridge University Press.

Published online: 31 October 2023